

17 FEB 1998

Mahathir-Air

MALAYSIA TIDAK AKAN HENTIKAN BEKALAN AIR KE SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Malaysia tidak akan menghentikan bekalan air ke Singapura, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

" Apa yang kita telah lakukan ialah memberi jaminan bahawa kita tidak akan menghentikan bekalan air ataupun menamatkannya. Kita akan terus membekalkan air," kata beliau kepada pemberita selepas mengiringi Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong melawat pusat penyiaran All-Asia Broadcast Centre (Astro) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya mengenai jaminan yang diberikan oleh Malaysia untuk terus membekalkan air ke Singapura melepasi tahun 2061 semasa perbincangan dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong semalam.

Satu pernyataan bersama yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini menyatakan jaminan itu akan disahkan melalui satu perjanjian dalam tempoh 60 hari.

Ditanya mengenai tempoh bagi perjanjian bekalan baru itu, Dr Mahathir berkata keputusan itu tidak dapat dibuat sekarang memandangkan "kita tidak tahu mengenai keadaan pada masa itu."

"Jadi kita tidak boleh buat keputusan sekarang yang akan mengikat kerajaan masa depan," kata beliau.

Ditanya mengenai respon Singapura terhadap perkara itu, Dr Mahathir berkata terdapat cadangan yang kedua-dua negara membuat perjanjian sekarang juga.

"Tetapi kita tidak berniat berbuat demikian, oleh itu saya rasa Goh memahami kedudukan kita," kata beliau.

"Air adalah dalam senarai negeri, tetapi saya telah memberi komitmen walaupun sebelum mendapatkan persetujuan kerajaan negeri," kata beliau.

"Oleh kerana itulah kita memerlukan tempoh 60 hari untuk mengesahkannya," jelas beliau.

Mengenai permintaan Singapura bagi bekalan tambahan air, Dr Mahathir berkata satu kajian sedang dijalankan dengan mengambil kira keperluan negara di masa depan.

Daripada perbincangannya dengan Goh, kedua-dua negara telah memutuskan untuk "menghidupkan semula jalan komunikasi mudah" antara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan untuk menyelesaikan masalah.

"Tetapi jika mereka tidak boleh menyelesaikannya di peringkat pegawai, ia akan ditangani di peringkat kami," katanya.

Mengenai pelaburan Singapura di Malaysia, Dr Mahathir berkata pelaburan mereka disambut baik dan digalakkan.

"Kita membincangkan perkara ini dan kita bersetuju di mana yang boleh Singapura akan melabur di Malaysia," kata beliau.

Beliau berkata, keadaan di Indonesia juga dibincangkan dengan kedua-dua pemimpin berpendapat "apa yang berlaku di Indonesia akan memberi kesan ke seluruh rantau."

"Bukan kita mahu masuk campur dalam hal ehwal dalam negeri mereka," katanya.

Goh, isterinya Puan Tan Choo Leng dan delegasi seramai 18-orang hari ini menamatkan lawatan dua hari ke sini.

Rombongan itu bertolak ke Melaka, dengan beliau sebagai tetamu kehormat di majlis makan tengah hari anjuran Ketua Menteri Datuk Seri Abu Zahar Isnin. -- BERNAMA

RAZ PR